



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

NEWS AND ARTICLES

Lawatan Akademik TPT251 – Learning Process Through Industrial Visit

Penulis: Ahmad Faisal Mahdi

Principles of Transport atau kursus Prinsip Pengangkutan TPT251 adalah kod kursus yang khusus dalam menekankan industri sektor pengangkutan dan pengurusan logistik yang dilihat sebagai pemangkin kerancakan ekonomi di mana-mana negara. Ianya berfungsi sebagai pemangkin fungsi ekonomi, sosial, politik dan keseluruhan fungsi industri sesebuah negara.

Kursus ini membangunkan asas bagi pelajar untuk memahami dunia pengangkutan dan pengurusan logistik yang kompleks, iaitu meliputi komponen, ciri-ciri, peranan, struktur dan evolusi dalam industri pengangkutan serta menjelaskan hubungan antara satu dengan lain serta fungsinya. Isu semasa dalam industri pengangkutan juga dibincangkan bagi memastikan pelajar yang menduduki kod kursus ini sentiasa relevan seiring dengan teknik dan teknologi terkini.



Lawatan di Layang – Layang Aviation Sdn Bhd (Miri)

Pada 23 – 26 November 2024, Kumpulan BA1114A dari Diploma Pengajian Perniagaan telah mengadakan lawatan akademik ke bandaraya Miri, Sarawak bagi memenuhi keperluan penilaian berterusan (*continuous assessment*) yang memerlukan mereka menemuduga syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri pengangkutan. Kumpulan pelajar tersebut telah memilih tiga buah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan mengikut medium iaitu udara, daratan dan lautan. Antara syarikat yang telah dilawati ialah Maxim Sdn Bhd, Layang Layang Aerospace Sdn Bhd dan LKIM Miri.

Lawatan akademik kali ini telah mendedahkan pelbagai penambahbaikan kepada para pelajar, terutama sekali dari sudut kemahiran berkomunikasi serta kemahiran mereka berkerja dalam kumpulan.



Lawatan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Miri)